

09/02/1998

Dana Ehsan kutip RM540,690

KUALA LUMPUR, Ahad - Sejumlah RM540,690 dikumpul dan dijanjikan oleh wanita yang membuka Akaun Ehsan Wanita sempena pelancaran tabung anjuran Pergerakan Wanita Barisan Nasional (BN), hari ini.

Pengerusi Wanita BN, Datuk Dr Siti Zaharah, berkata Wanita BN menjangka dapat mengumpul lebih RM5 juta sebelum akhir tahun ini apabila fasa kedua yang membabitkan pembentukan Amanah Saham Wanita dilancarkan.

Sehingga jam 4.45 petang ini, 1,035 wanita sudah membuka Akaun Ehsan Wanita membabitkan tunai RM275,690, manakala sejumlah RM265,000 lagi dikumpul dalam bentuk janji.

"Semua 14 ketua wanita parti komponen BN juga berjanji akan membuka akaun bernilai RM250,000 seorang. Jika dikumpulkan semua, Wanita BN sudah mengumpul lebih RM4 juta hari ini saja," katanya.

Zaharah memberitahu sidang akhbar selepas pelancaran Ehsan Wanita oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, Akaun Ehsan Wanita dibuka kepada semua wanita Malaysia dengan simpanan minimum RM100.

Dana itu, yang akan dikendalikan oleh Metrowanga Asset Management dan Hijrah Asset Managers, memberi pilihan kepada penyimpan sama ada untuk kekal atau melabur dalam Amanah Saham Wanita, apabila diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC).

Dr Siti Zaharah berkata, kelulusan SC dijangka diterima dalam tempoh dua atau tiga bulan. Beliau yakin Amanah Saham Wanita dapat dilancarkan tanpa masalah.

"Sebagai permulaan, beberapa saham kaunter mewah dalam syarikat terpilih sudahpun dikenal pasti tetapi pelaburan akan hanya dapat dilakukan apabila penubuhan syarikat pengurus dana diluluskan oleh SC," katanya.

Sementara itu, mengulas penubuhan badan khas yang akan mentadbir sumbangan oleh rakyat, Dr Zaharah berkata, ia tidak bercanggah dengan penubuhan dana berkenaan kerana sumbangan kepada badan itu adalah derma dan bukan bagi tujuan pelaburan atau simpanan.

(END)